



TERMA DAN SYARAT BAGI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERIBADI AGROCASH-i

1. PEMBIAYAAN DI BAWAH TRANSAKSI TAWARRUQ

- 1.1 Terma-terma dan syarat-syarat ("Terma dan Syarat") bagi Kemudahan Pembiayaan Peribadi AgroCash-i ("Kemudahan Pembiayaan") adalah berdasarkan Konsep Syariah *Tawarruq*.
- 1.2 Kelulusan permohonan Kemudahan Pembiayaan oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad (No. Pendaftaran: 200801010522 (811810-U)) ("Bank") kepada pelanggan ("Pelanggan") adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat berikut yang telah dimaklumkan kepada Pelanggan semasa permohonan Kemudahan Pembiayaan tersebut. Terma dan Syarat yang tercatat di sini adalah terpakai bagi Kemudahan Pembiayaan ini dan akan mengikat Pelanggan serta-merta sebaik sahaja Kemudahan Pembiayaan diluluskan oleh pihak Bank.

2. DEFINISI & TAFSIRAN

Bagi tafsiran Terma dan Syarat ini, perkataan-perkataan berikut akan mempunyai pengertian dan maksud seperti yang dinyatakan selepas ini:-

"Akad"	bermaksud penawaran (<i>ijab</i>) dan penerimaan (<i>qabul</i>) daripada kedua-dua pihak terhadap transaksi jualan Komoditi tersebut pada harga dan terma-terma yang dipersetujui;
"Bank"	bermaksud Bank Pertanian Malaysia Berhad (No. Pendaftaran: 200801010522 (811810-U)) sebuah syarikat yang berdaftar dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 3, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur;
"Borang Permohonan"	bermaksud borang permohonan yang lengkap diisi dan dikemukakan oleh Pelanggan kepada pihak Bank bagi tujuan permohonan Kemudahan Pembiayaan;
"Bulan"	bermaksud bulan Kalendar Gregory;
"Harga Jualan"	bermaksud harga jualan Komoditi bagi transaksi penjualan Komoditi oleh pihak Bank kepada Pelanggan seperti yang diperincikan di dalam Notis Kemudahan Pembiayaan. Pengiraan Harga Jualan adalah berdasarkan Harga Belian Komoditi (jumlah pembiayaan yang diluluskan) dicampur dengan jumlah Keuntungan Bank (dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Siling yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank secara bayaran tertangguh dan tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini;
"Harga Belian"	bermaksud harga yang bersamaan dengan jumlah Kemudahan Pembiayaan yang diluluskan oleh pihak Bank seperti yang diperincikan di dalam Notis Kemudahan Pembiayaan;
"Hari"	bermaksud hari-hari di mana pihak Bank mengurus niaga seperti yang dikehendaki dalam Terma dan Syarat ini;
"Kadar Asas Standard"	merujuk kepada kadar rujukan yang ditetapkan oleh pihak Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa bagi menentukan kadar keuntungan Kemudahan Pembiayaan. Sekiranya terma Kadar Asas Standard tidak lagi digunakan atau terpakai, apa-apa jenis terma baru yang akan digunakan bagi menentukan kadar keuntungan yang ditetapkan oleh pihak Bank kepada Pelanggan akan digunapakai;
"Kadar Keuntungan Efektif"	merujuk kepada kadar keuntungan yang digunapakai bagi pengiraan bayaran ansuran Kemudahan Pembiayaan sepertimana dinyatakan di dalam Notis Kemudahan Pembiayaan.
"Kadar Keuntungan Siling"	merujuk kepada kadar keuntungan yang digunapakai bagi pengiraan Harga Jualan sepertimana diperincikan di dalam Notis Kemudahan Pembiayaan;
"Komoditi"	bermaksud apa-apa jenis aset yang tersenarai dan didagangkan di dalam Platform Dagangan Komoditi seperti kredit pra-bayar atau lain-lain tertakluk kepada penyediaan Komoditi yang halal dan mematuhi prinsip Syariah yang mana pihak-pihak yang terlibat akan dimaklumkan jenis dan kuantiti aset tersebut;
"Keberhutangan"	bermaksud semua agregat wang sama ada Harga Jualan, prinsipal, keuntungan dan termasuk amaun lain yang kena dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank (samada ta'widh, apa-apa fi, apa-apa perbelanjaan, dan apa-apa kos termasuk kos guaman atas dasar ganti rugi sepenuhnya dan sebagainya) yang dinyatakan di bawah terma-terma Terma dan Syarat ini;
"Notis Kemudahan Pembiayaan"	bermaksud Notis Kemudahan Pembiayaan secara bertulis yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pelanggan yang menyatakan butiran Kemudahan Pembiayaan;
"Pembeli Komoditi"	bermaksud pihak ketiga yang akan membeli Komoditi tersebut daripada Pelanggan (melalui pihak Bank sebagai wakil);

"Platform Komoditi"	Dagangan	bermaksud platform dagangan komoditi yang diluluskan oleh pihak Bank bagi melaksanakan transaksi pembelian dan penjualan Komoditi;
"Proses Undang-undang"		bermaksud pliding, segala bentuk saman pemula, permohonan interlokutari, afidavit, perintah dan apa-apa dokumen selain yang disebut di atas yang perlu diserahkan di bawah atau mengikut Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, notis tuntutan dan surat-menyurat antara kedua-dua pihak, notis di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Insolvency 1967 dan akta-akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan dan terpakai bagi apa-apa terma dalam Terma dan Syarat ini;
"Ringgit Malaysia" dan tanda "RM"		bermaksud mata wang Malaysia; dan
" <i>Tawarruq</i> "		bermaksud satu bentuk transaksi yang terdiri daripada dua (2) kontrak jual beli di mana transaksi pertama melibatkan penjualan Komoditi secara <i>Murabahah</i> (untung) oleh penjual (Bank) kepada pembeli (Pelanggan) pada Harga Belian (bersamaan dengan jumlah Kemudahan Pembiayaan yang diluluskan) dicampur dengan jumlah keuntungan Bank dengan bayaran secara bayaran tertangguh, dan kemudiannya Pembeli (Bank sebagai wakil Pelanggan) pada transaksi jualan yang pertama akan menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga (Pembeli Komoditi) secara tunai.

3. KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

3.1 PERMOHONAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

Permohonan bagi Kemudahan Pembiayaan adalah melalui Borang Permohonan bersama dokumen-dokumen tambahan yang dilampirkan dan dihantar oleh Pelanggan kepada pihak Bank bagi proses penilaian dan kelulusan.

3.2 KELULUSAN DAN PENERIMAAN TAWARAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

Kelulusan bagi permohonan Kemudahan Pembiayaan adalah bergantung kepada penilaian latar belakang kredit Pelanggan dan tertakluk kepada budibicara pihak Bank.

Penerimaan tawaran Kemudahan Pembiayaan oleh Pelanggan hendaklah dibuat melalui dokumen Surat Makluman Tawaran yang dikeluarkan oleh pihak Bank. Dokumen ini akan menjadi bukti penerimaan tawaran oleh Pelanggan

3.3 TUJUAN PEMBIAYAAN

Kemudahan Pembiayaan di bawah transaksi *Tawarruq* yang diluluskan oleh pihak Bank akan digunakan oleh Pelanggan khusus bagi tujuan seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan dan tidak bercanggah dengan prinsip Syariah. Walaubagaimanapun, adalah tidak menjadi obligasi kepada pihak Bank bagi memastikan Kemudahan Pembiayaan digunakan oleh Pelanggan bagi tujuan khusus yang disebut di dalam Borang Permohonan.

3.4 HARGA JUALAN

3.4.1 Harga Jualan adalah dikira berdasarkan jumlah Kemudahan Pembiayaan yang diluluskan ditambah dengan kadar keuntungan Bank (dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Siling) dan merupakan jumlah keseluruhan yang akan dibayar oleh Pelanggan secara bayaran tertangguh.

3.4.2 Kadar keuntungan Bank sepertimana yang diperincikan di dalam Notis Kemudahan Pembiayaan.

3.5 ANSURAN BULANAN

3.5.1 Ansuran bulanan hendaklah dibayar mengikut tempoh sepertimana yang dinyatakan di dalam Notis Kemudahan Pembiayaan.

3.5.2 Bayaran ansuran bulanan hendaklah dibuat pada atau sebelum satu (1) haribulan pada tiap-tiap bulan bermula pada bulan keempat selepas pengeluaran bagi Kemudahan Pembiayaan dibuat sehingga keseluruhan jumlah Harga Jualan dan lain-lain jumlah Keberhutangan di bawah Kemudahan Pembiayaan dijelaskan sepenuhnya. Bayaran bagi tiga (3) bulan pertama Kemudahan Pembiayaan adalah ditangguhkan dan tidak perlu dijelaskan oleh pelanggan dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, bayaran yang ditangguhkan sepanjang tempoh tersebut akan dikumpulkan dan dibayar bersama ansuran terakhir pada akhir tempoh Kemudahan Pembiayaan

3.5.3 Bayaran ansuran bulanan dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif.

3.5.4 Kadar Keuntungan Efektif adalah bergantung kepada Kadar Asas Standard yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dan tertakluk kepada pemberian notis kepada Pelanggan bagi sebarang perubahan kepada Kadar Keuntungan Efektif tersebut. Pihak Bank berhak untuk menuntut jumlah bayaran ansuran bulanan baru mengikut Kadar Keuntungan Efektif yang baru dengan syarat jumlah kumulatif ansuran bulanan berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif yang baru tidak akan melebihi Harga Jualan yang telah dipersetujui.

3.5.5 Sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Keuntungan Efektif dengan ansuran bulanan tidak berubah, Pelanggan hendaklah membayar jumlah baki tertunggak pada bulan terakhir sebelum tamat tempoh Kemudahan Pembiayaan atau sepertimana yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Pelanggan boleh membuat

permohonan untuk melanjutkan tempoh Kemudahan Pembiayaan tertakluk kepada kelulusan dan budibicara pihak Bank untuk menjadualkan semula bayaran baki tertunggak daripada Harga Jualan.

3.5.6 Bayaran ansuran akan dilakukan secara potongan gaji melalui Biro Perkhidmatan Angkasa ("BPA"). Sekiranya jumlah yang ditolak melalui BPA tidak mencukupi bagi menyelesaikan bayaran ansuran tersebut, adalah menjadi tanggungjawab bagi Pelanggan untuk membayar jumlah perbezaan antara jumlah yang diterima oleh pihak Bank dengan jumlah bayaran ansuran sebenar melalui mana-mana saluran perbankan yang diterimapakai oleh pihak Bank.

3.5.7 Bayaran ansuran sebelum potongan dibuat oleh BPA adalah melalui saluran pembayaran sedia ada sehingga pemotongan gaji berkuatkuasa.

3.6 TEMPOH KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

Tempoh Kemudahan Pembiayaan bermula dari tarikh pengeluaran Kemudahan Pembiayaan dibuat sehingga tamat tempoh Kemudahan Pembiayaan sepertimana yang diperincikan di dalam Notis Kemudahan Pembiayaan.

3.7 PENGGUNAAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

Kemudahan Pembiayaan hanya dapat digunakan oleh Pelanggan setelah Pelanggan mematuhi semua syarat-syarat terdahulu bagi pengeluaran wang Kemudahan Pembiayaan sepertimana yang dinyatakan dalam Klausula 6, Terma dan Syarat ini.

4. PROSEDUR PELAKSANAAN TAWARRUQ

4.1 Pelantikan pihak Bank sebagai Ejen Pelanggan (*Wakil*)

4.1.1 Pelanggan dengan ini melantik pihak Bank sebagai ejen Pelanggan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam Terma dan Syarat ini dan Bank menerima lantikan tersebut berdasarkan konsep Syariah *Wakalah* untuk melaksanakan semua tindakan yang boleh Pelanggan laksanakan sendiri berkaitan dengan Kemudahan Pembiayaan untuk mendapatkan tunai termasuk:-

- a) membeli Komoditi daripada pihak Bank (sebagai penjual) pada Harga Jualan (harga kos ditambah keuntungan) dengan bayaran secara tertangguh;
- b) menjual Komoditi kepada mana-mana pihak ketiga pada harga kos dan secara tunai;
- c) mengambil milikan Komoditi secara konstruktif;
- d) menerima bayaran harga kos bagi pihak Pelanggan;
- e) menyerahkan milikan dan hakmilik Komoditi tersebut kepada pihak ketiga iaitu pembeli Komoditi;
- f) menandatangani dan/atau menyempurnakan semua dokumen termasuk dokumen akad (jika berkaitan) dan/atau melaksanakan semua tindakan dan/atau memantau serta melaksanakan semua kewajipan yang perlu dilaksanakan di bawah Kemudahan Pembiayaan ini atau yang perlu dilakukan berkaitan dengan Terma dan Syarat ini atau kewajipan yang perlu dilaksanakan di bawah mana-mana perjanjian jualan Komoditi tersebut dengan pihak ketiga; dan
- g) melaksanakan semua tugas pentadbiran berhubung dengan pegangan dan jualan Komoditi serta pengambilan takaful bagi Komoditi tersebut.

4.1.2 Pelanggan bersetuju bahawa:-

- a) Pelantikan pihak Bank hendaklah berkuat kuasa sehingga Kemudahan Pembiayaan ini selesai dan pihak Bank bersetuju untuk bertindak sebagai ejen kepada Pelanggan tanpa mengenakan sebarang bayaran;
- b) Berhubung dengan kuasa, budi bicara, kebenaran dan kewajipan di bawah Terma dan Syarat ini, pihak Bank hendaklah bertindak sebagai ejen Pelanggan yang bukan eksklusif berdasarkan kepada:-
 - i) terma-terma dalam Terma dan Syarat ini setakat mana yang diperuntukkan di sini; dan
 - ii) Transaksi Tawarruq yang dimasuki di bawah ini dari semasa ke semasa dan tidak dianggap sebagai ejen untuk dan bagi pihak Pelanggan dalam aspek-aspek lain;
- c) Pelantikan pihak Bank tidak akan mewujudkan atau boleh dianggap mewujudkan perkongsian atau usaha sama antara Pihak-pihak, juga tidak mewujudkan hubungan sebagai prinsipal atau ejen dalam mana-mana hubungan antara pihak-pihak lain melainkan antara Pihak-pihak dalam transaksi ini;
- d) Pihak Bank hendaklah pada setiap masa bertindak sebagai ejen Pelanggan dengan sentiasa menjaga kepentingan Pelanggan dan identiti pihak Bank sebagai ejen tidak boleh didedahkan serta pihak Bank juga tidak boleh mendedahkan bahawa pihak Bank adalah bertindak sebagai ejen Pelanggan kepada mana-mana pihak;
- e) Pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kerugian yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat daripada transaksi Tawarruq yang dilaksanakan oleh Bank disebabkan apa-

apa salah laku atau kecuaihan pihak Pelanggan melainkan kerugian tersebut adalah disebabkan oleh apa-apa salah laku atau kecuaihan pihak Bank atau pelanggaran mana-mana terma dan syarat dalam Terma dan Syarat ini oleh pihak Bank;

- f) Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kontrak jual beli yang dibuat oleh pihak Bank sebagai ejen Pelanggan berdasarkan kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam Terma dan Syarat ini;
- g) Pihak Bank boleh mendedahkan dan/atau mengemukakan apa-apa dokumen kepada Pelanggan berhubung dengan tugasnya dibawah peruntukan dalam Terma dan Syarat ini sekiranya terdapat permintaan daripada pihak Pelanggan.

4.2 Persetujuan Pelanggan

4.2.1 Pelanggan bersetuju seperti berikut:-

- a) untuk membayar pihak Bank sebanyak RM15.00 untuk setiap Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000.00) berdasarkan kepada nilai Kemudahan Pembiayaan atau apa-apa jumlah fi broker yang ditetapkan oleh Platform Dagangan Komoditi (tertakluk kepada cukai perkhidmatan (sekiranya ada) atau apa-apa cukai yang ditetapkan oleh Menteri yang berkenaan) sebagai fi broker;
- b) sekiranya Pelanggan ingin membatalkan Kemudahan Pembiayaan dan seterusnya menolak tawaran penjualan Komoditi oleh pihak Bank kepada Pelanggan, Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis semasa hari bekerja sebelum akaun Kemudahan Pembiayaan diwujudkan;
- c) pihak Bank, sebagai ejen kepada Pelanggan, berhak meneruskan transaksi *Tawarruq* sekiranya Pelanggan gagal untuk mematuhi perkara yang dinyatakan pada Klausula 4.2.1(b) di atas;
- d) untuk menanggung rugi pihak Bank terhadap apa jua kos dan/atau kerugian yang ditanggung oleh pihak Bank akibat daripada ketidakpatuhan Pelanggan kepada Klausula 4.2.1(b) dan pelaksanaan tindakan pihak Bank pada Klausula 4.2.1(c) di atas; dan
- e) untuk menanggung rugi pihak Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan/atau apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak Bank berikutan pihak Bank bertindak sebagai ejen Pelanggan. Pelanggan boleh dari semasa ke semasa meminta dokumentasi transaksi jual beli yang dilaksanakan oleh pihak Bank bagi pihak Pelanggan.

4.3 Pembelian Komoditi oleh Pihak Bank

- 4.3.1 Pelanggan meminta pihak Bank untuk membeli Komoditi pada harga kos daripada pembekal Komoditi yang ditawarkan oleh Platform Dagangan Komoditi;
- 4.3.2 Pihak Bank kemudiannya membeli Komoditi daripada pembekal Komoditi pada harga kos yang mana ianya bersamaan dengan jumlah Kemudahan Pembiayaan.

4.4 Penjualan Komoditi oleh Pihak Bank

- 4.4.1 Susulan daripada pelantikan pihak Bank sebagai ejen Pelanggan pada Klausula 4.1.1, pihak Bank kemudiannya akan menjual Komoditi tersebut kepada ejen Pelanggan melalui sistem atas talian dan ejen Pelanggan akan membeli Komoditi tersebut sepertimana yang telah diwakilkan oleh Pelanggan kepadanya pada Harga Jualan dengan bayaran secara tertangguh dan tertakluk kepada syarat-syarat pelantikan pihak Bank sebagai ejen.
- 4.4.2 Bagi situasi di mana Pelanggan ingin mendapatkan pemilikan fizikal bagi Komoditi yang dibelinya, Pelanggan perlu memaklumkan kepada pihak Bank berkaitan perkara tersebut secara bertulis semasa hari bekerja sebelum akaun Kemudahan Pembiayaan diwujudkan. Kesemua urusan penghantaran Komoditi serta caj dan kos yang terlibat dalam proses penghantaran tersebut (jika ada) akan diurus, ditanggung dan dibayar oleh Pelanggan. Pelanggan perlu membuat pembayaran Harga Jualan (harga kos ditambah keuntungan) kepada pihak Bank sebelum jam 3.00 petang pada hari yang sama Komoditi tersebut dibeli oleh Pelanggan daripada pihak Bank. Sekiranya Pelanggan gagal membuat bayaran Harga Jualan tersebut pada jam 3.00 petang pada hari Komoditi tersebut dibeli, transaksi itu dianggap terbatal.
- 4.4.3 Setelah kontrak jualan sepertimana Klausula 4.4.1 di atas dimuktamadkan:
 - a) Pelanggan akan mendapat hakmilik Komoditi seperti yang diterima oleh pihak Bank daripada pembekal komoditi tanpa sebarang sekatan/bebanan. Pihak Bank tidak boleh dianggap memberikan apa-apa jaminan atau representasi (secara nyata atau tersirat) sama ada melalui undang-undang, statut atau selain daripadanya dan, tanpa menjejaskan hak yang tersebut di atas, apa-apa jaminan atau representasi oleh Bank adalah dengan inidikecualikan sepenuhnya setakat yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang; dan
 - b) semua risiko dalam Komoditi itu hendaklah berpindah kepada Pelanggan.

4.4.4 Komoditi tersebut dijual atas dasar seperti sedia ada (*as it is basis*) dan Pelanggan mengakui bahawa:-

- a) Pelanggan dianggap telah menerima Komoditi tersebut atas dasar tersebut dan Pelanggan tidak akan menuntut apa-apa remedi terhadap pihak Bank berkaitan dengan kualiti, keadaan, kuantiti, deskripsi, hakmilik atau selain daripadanya; dan
- b) Pelanggan mengenyahkan apa-apa tuntutan yang boleh diambil ke atas pihak Bank berkaitan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami/ditanggung oleh pegawainya, pekerjaannya atau ejennya yang timbul daripada atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini atau selain daripadanya (walau apa jua cara ia timbul) berkaitan dengan atau timbul daripada mana-mana Transaksi Tawarruq dan/atau pembelian Komoditi daripada pembekal komoditi melainkan ia adalah disebabkan oleh kesalahan yang disengajakan atau kecuai yang nyata oleh pihak Bank.

4.5 Jualan Komoditi oleh pihak Bank sebagai Ejen Pelanggan (wakil)

4.5.1 Setelah transaksi jual beli yang dinyatakan dalam Klausa 4.3 dan 4.4 disempurnakan dan perlantikan pihak Bank sebagai ejen Pelanggan berdasarkan Klausa 4.1, pihak Bank kemudiannya menjual Komoditi kepada pihak ketiga melalui Platform Dagangan Komoditi pada harga kos dan secara tunai. Bayaran bagi hasil jualan tersebut adalah dikira sebagai wang Kemudahan Pembiayaan kepada Pelanggan atau untuk manfaat Pelanggan. Transaksi jualan tersebut hendaklah disempurnakan berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat dalam Terma dan Syarat ini.

4.5.2 Komoditi tersebut hendaklah diterima dan dijual atas dasar seperti sedia ada dalam setiap keadaan tanpa apa-apa jaminan atau representasi kepada mana-mana pihak ketiga dan / atau pembeli.

4.5.3 Pelanggan dengan ini tanpa syarat dan tanpa boleh batal mengenyahkan semua dan apa-apa hak atau tuntutan, sama ada di bawah undang-undang, ekuiti atau selain daripadanya yang mungkin Pelanggan boleh ambil terhadap pihak Bank yang timbul daripada atau berkaitan dengan pelaksanaan kebenaran, budi bicara dan kuasa pihak Bank yang telah diberikan melalui Terma dan Syarat ini dan/atau transaksi Tawarruq, melainkan ia adalah disebabkan oleh kesalahan yang disengajakan atau kecuai yang nyata oleh pihak Bank.

4.5.4 Pelanggan dengan ini bersetuju tanpa syarat dan tidak boleh batal mengakujaji kepada pihak Bank bahawa Pelanggan hendaklah menanggung rugi pihak Bank dan hendaklah sentiasa memastikan pihak Bank dilindungi daripada apa-apa tindakan, prosiding, tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan:-

- (a) yang mungkin ditanggung oleh pihak Bank akibat daripada atau berhubung dengan kawalan, pemilikan atau penggunaan Komoditi oleh Pelanggan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kerosakan atau kecederaan kepada orang atau harta dan kos dan liabiliti yang disebabkan oleh tuntutan tersebut); dan/atau
- (b) yang boleh dibuat atau dibawa terhadap pihak Bank atau yang mungkin dialami atau ditanggung oleh pihak Bank akibat daripada atau berkaitan dengan perlaksanaan kuasa dan budi bicara pihak Bank yang diberikan melalui Terma dan Syarat ini dan / atau Transaksi Tawarruq,

melainkan apabila tindakan, prosiding, tuntutan, liabiliti, kerugian, kos dan perbelanjaan tersebut adalah disebabkan oleh apa-apa salah laku atau kecuai pihak Bank atau pelanggaran mana-mana terma dan syarat dalam Terma dan Syarat ini oleh pihak Bank.

4.6 Penyelesaian transaksi Tawarruq

Pihak Bank akan memaklumkan kepada Pelanggan melalui surat notifikasi yang akan dikemukakan kepada Pelanggan berkenaan transaksi Tawarruq yang telah dibuat bagi Kemudahan Pembiayaan ini. Sekiranya Pelanggan mempunyai sebarang isu ataupun bantahan terhadap transaksi yang dinyatakan, Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis semasa hari bekerja sebelum akaun Kemudahan Pembiayaan diwujudkan.

5. PENGELUARAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

5.1 Pihak Bank akan membuat pembayaran Harga Belian yang bersamaan dengan jumlah Kemudahan Pembiayaan yang diluluskan oleh Bank sekaligus kepada Pelanggan atau pihak ketiga yang dinamakan oleh Pelanggan ("Pihak Ketiga") berdasarkan tujuan Kemudahan Pembiayaan diberikan dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di bawah Terma dan Syarat ini.

5.2 Bagi tujuan pengeluaran wang Kemudahan Pembiayaan ke akaun simpanan, Pelanggan adalah digalakkan untuk membuka Akaun Simpanan-i / Akaun GIRO mengikut saranan Bank atau mana-mana akaun simpanan pilihan Pelanggan. Segala pengeluaran wang Kemudahan Pembiayaan ke dalam akaun ini adalah dianggap sebagai pembayaran sepenuhnya Harga Kos Komoditi tersebut.

5.3 Bagi tujuan pengeluaran wang Kemudahan Pembiayaan ke dalam akaun Pihak Ketiga, Pelanggan memberi kebenaran yang tidak boleh dibatalkan kepada Pihak Bank untuk membayar kepada mana-mana pihak ketiga yang dinamakan oleh Pelanggan dan pengeluaran tersebut akan dianggap sebagai sebahagian daripada Kemudahan Pembiayaan.

6. SYARAT-SYARAT TERDAHULU BAGI PENGELUARAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

Kemudahan Pembiayaan ini akan dikeluarkan secara sekaligus ke dalam akaun yang dipersetujui oleh Pelanggan atau pihak ketiga yang dinamakan oleh Pelanggan hanya setelah syarat-syarat terdahulu bagi Pengeluaran Kemudahan Pembiayaan dipenuhi seperti berikut:-

- 6.1 Semua dokumen yang berkaitan dengan Kemudahan Pembiayaan telah disempurnakan dan dimatikan setem;
- 6.2 Transaksi *Tawarruq* bagi Kemudahan Pembiayaan telah disempurnakan;
- 6.3 Pihak Bank hendaklah menerima keputusan carian kebangkrutan daripada Jabatan Insolvensi Malaysia dan pengesahan daripadanya bahawa Pelanggan bukanlah seorang yang bankrap;
- 6.4 Pihak Bank berpuas hati bahawa pelaksanaan Terma dan Syarat ini tidak melanggar mana-mana undang-undang, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan atau kontrak atau apa-apa sekatan lain yang mengikat Pelanggan;
- 6.5 Penerimaan oleh pihak Bank semua akuanji dan pengesahan yang diperlukan dan memuaskan pihak Bank (jika berkenaan);
- 6.6 Bahawa pihak Bank berpuas hati bahawa Pelanggan telah mematuhi dari semasa ke semasa syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Terma dan Syarat ini;
- 6.7 Pelanggan telah membayar segala kos, fi atau perbelanjaan lain yang perlu dibayar oleh Pelanggan berkaitan dengan Kemudahan Pembiayaan ini;
- 6.8 Pelanggan telah mengemukakan kebenaran daripada pihak pemberi hutang yang lain yang telah mengenakan sekatan terhadap Pelanggan untuk menerima Kemudahan Pembiayaan ini;
- 6.9 Segala representasi dan waranti yang dinyatakan dalam Klausula 12 adalah tepat dan benar dalam segala aspek semasa pengeluaran wang tersebut dibuat dan akan sentiasa tepat dan benar bagi setiap pengeluaran wang Kemudahan Pembiayaan yang dibuat;
- 6.10 Tiada kejadian kemungkiran sepertimana yang dinyatakan dalam Klausula 16 yang atau telah berlaku pada tarikh pengeluaran Kemudahan Pembiayaan tersebut;

7. PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN

- 7.1 Sementara segala syarat terdahulu bagi pengeluaran Kemudahan Pembiayaan dipatuhi oleh Pelanggan dan sehingga pihak Bank berpuas hati dengan pematuan syarat-syarat tersebut, pihak Bank berhak untuk membatalkan atau menamatkan atau menangguhkan pengeluaran Kemudahan Pembiayaan tersebut atau mana-mana bahagian pengeluaran Kemudahan Pembiayaan tersebut sekiranya berlaku sebarang kejadian yang pada pendapat pihak Bank akan memberi perubahan material kepada kedudukan kewangan Pelanggan atau sekiranya pihak Bank mendapati terdapat perkara yang bertentangan dengan peraturan atau maklumat palsu yang diberikan kepada pihak Bank, dengan memberi notis tujuh (7) hari kepada Pelanggan mengenai pembatalan, penamatan atau penangguhan pengeluaran wang Kemudahan Pembiayaan.
- 7.2 **ADALAH MENJADI SYARAT** bahawa walaupun mana-mana atau salah satu syarat terdahulu bagi pengeluaran Kemudahan Pembiayaan yang dinyatakan dalam Klausula 6 tidak dipatuhi oleh Pelanggan, pihak Bank tanpa menjejaskan kuasa dan remedi yang terkandung di dalam Terma dan Syarat ini berhak untuk membenarkan mana-mana pengeluaran Kemudahan Pembiayaan tersebut.

8. PENEPIAN KE ATAS SYARAT-SYARAT PENGELUARAN WANG

Adalah diakui bahawa syarat-syarat terdahulu bagi pengeluaran Kemudahan Pembiayaan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini adalah bertujuan bagi menjaga kepentingan pihak Bank dan pihak Bank mempunyai hak dan kuasa untuk menepikan sepenuhnya atau sebahagiannya tanpa menjejaskan kepentingan pihak Bank di dalam Terma dan Syarat ini. Penepian tersebut tidak akan menghalang pihak Bank untuk menghendaki Pelanggan mematuhi syarat-syarat terdahulu bagi pengeluaran Kemudahan Pembiayaan yang telah diberi penepian bagi Kemudahan Pembiayaan tersebut pada bila-bila masa kemudiannya.

9. TAKAFUL

Pelanggan adalah digalakkan untuk mengambil *Takaful* (melainkan dikehendaki oleh undang-undang) dengan Syarikat Takaful yang diluluskan oleh pihak Bank atau mana-mana syarikat Takaful yang dipilih oleh Pelanggan dan dipersetujui oleh pihak Bank dengan jumlah sumbangan sepertimana dinyatakan oleh pihak Bank kepada Pelanggan secara terperinci di dalam Notis Kemudahan Pembiayaan. Jika berkaitan, kepentingan pihak Bank sebagai penerima manfaat (Benefisiari) hendaklah dimasukkan di dalam polisi takaful tersebut termasuk klausa bahawa pembatalan polisi tidak boleh dilakukan melainkan dengan kebenaran pihak Bank.

Pelanggan bersetuju bayaran sumbangan Takaful akan dilakukan melalui potongan wang Kemudahan Pembiayaan terlebih dahulu oleh pihak Bank ketika proses pengeluaran wang Kemudahan Pembiayaan.

10. PEMBAYARAN AWAL HARGA JUALAN

Pelanggan boleh membuat bayaran awal Harga Jualan tertakluk kepada syarat-syarat tersebut:-

- (i) Pihak Bank telah menerima notis bertulis dari Pelanggan yang menyatakan niat Pelanggan untuk membuat bayaran awal Harga Jualan dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh notis bertulis tersebut dan tarikh bayaran awal yang akan dibuat oleh Pelanggan; dan
- (ii) Pelanggan telah membayar sepenuhnya apa-apa bayaran yang perlu dibayar di bawah Terma dan Syarat ini kepada pihak Bank.

11. IBRA' (REBAT)

Tertakluk kepada Prinsip Syariah, *Ibra'* (Rebat) akan diberikan kepada Pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu keadaan (tetapi tidak terhad kepada) berikut:-

- (i) Pelanggan membuat penjelasan awal, penebusan awal atau membuat bayaran awal sebelum tarikh matang Kemudahan Pembiayaan;
- (ii) Pelanggan membuat penjelasan Kemudahan Pembiayaan disebabkan oleh pelaksanaan penstrukturan Kemudahan Pembiayaan;
- (iii) Penjelasan oleh Pelanggan dalam kes kemungkiran yang mana walaupun Pelanggan mungkir, Pelanggan kemudiannya membuat bayaran keseluruhan Keterhutangan di bawah Kemudahan Pembiayaan sebelum tarikh matang tersebut;
- (iv) Penjelasan oleh Pelanggan disebabkan pembatalan atau penamatan Kemudahan Pembiayaan sebelum tarikh matang.

Jumlah *ibra'* (rebat) pada masa penyelesaian awal sebelum tarikh matang adalah seperti berikut:-

Ibra' Pada Masa Penjelasan = Keuntungan Tertangguh

12. REPRESENTASI DAN WARANTI OLEH PELANGGAN

Pelanggan dengan ini memberikan representasi dan waranti kepada pihak Bank seperti berikut:-

- 12.1 Pelanggan merupakan individu warganegara Malaysia yang sah di bawah undang-undang Malaysia dan mempunyai hak, autoriti, kuasa dan kapasiti undang-undang sepenuhnya untuk memasuki sebarang kontrak;
- 12.2 Pelanggan mempunyai hak sepenuhnya di bawah undang-undang, kuasa dan kapasiti untuk melaksanakan apa-apa obligasi di bawah Terma dan Syarat ini dan segala tindakan / kebenaran yang diperlukan telah diperolehi bagi pelaksanaan Terma dan Syarat ini;
- 12.3 Penerimaan Kemudahan Pembiayaan tersebut tidak menjadi kejadian kemungkiran di bawah mana-mana perjanjian antara Pelanggan dengan mana-mana pihak yang berkenaan atau melanggar mana-mana undang-undang, peraturan, arahan atau perintah mana-mana pihak berkuasa kerajaan, agensi atau mahkamah yang mana Pelanggan tertakluk kepadanya;
- 12.4 Terma-terma ini hendaklah menjadi kewajipan undang-undang yang sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan terhadap Pelanggan berdasarkan Terma dan Syarat ini;
- 12.5 Pelanggan tidak mungkir mana-mana perjanjian yang mana Pelanggan adalah pihak kepada perjanjian tersebut dan tiada tuntutan cukai, litigasi atau prosiding lain yang sedang diambil tindakan atau belum selesai yang boleh menjejaskan keupayaan Pelanggan untuk melaksanakan obligasinya di dalam Terma dan Syarat ini;
- 12.6 Semua bayaran menurut Terma dan Syarat ini tidak melanggar mana-mana undang-undang kawalan pertukaran matawang yang mengikat Pelanggan;
- 12.7 Tidak ada apa-apa perubahan yang material pada kedudukan kewangan Pelanggan sejak tarikh permohonan Kemudahan Pembiayaan oleh Pelanggan;
- 12.8 Pelanggan telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memperolehi persetujuan, kelulusan, kebenaran yang diperlukan daripada mana-mana pihak berkuasa berkaitan yang semestinya diperlukan atau yang perlu diperolehi oleh Pelanggan dan hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank dengan serta-merta mengenai perkara tersebut sekiranya persetujuan, kelulusan, kebenaran ditarik balik, diubah suai atau tamat tempoh dan tidak diperbaharui atau sebagainya atau tidak boleh dikuatkuasakan sepenuhnya;
- 12.9 Maklumat yang diberikan oleh Pelanggan berhubung dengan Kemudahan Pembiayaan ini tidak mengandungi apa-apa pernyataan yang tidak benar dan Pelanggan telah mendedahkan secara bertulis kepada pihak Bank sepenuhnya semua fakta-fakta yang berkaitan dengan Pelanggan yang Pelanggan ketahui atau secara munasabah yang perlu diketahui oleh pihak Bank dan yang akan menjadi maklumat material kepada pihak Bank bagi memberikan Kemudahan Pembiayaan ini;
- 12.10 Tiada kejadian kemungkiran yang berlaku atau tiada perkara yang berlaku semasa melalui proses pemberian notis atau peluputan masa yang akan menyebabkan kemungkiran berlaku.

13. KEBENARAN KEATAS REPRESENTASI DAN WARANTI

- 13.1 Pelanggan mengakui bahawa pihak Bank memberikan Kemudahan Pembiayaan ini berdasarkan kepada segala representasi dan waranti yang dinyatakan dalam Klausula 12 dan representasi dan waranti tersebut hendaklah sentiasa betul dan dipatuhi dalam semua aspek selagi mana Kemudahan Pembiayaan ini diberikan oleh pihak Bank.
- 13.2 Segala pernyataan representasi dan waranti yang dinyatakan dalam Klausula 12 merupakan asas bagi komitmen Bank untuk membenarkan dan/atau meneruskan Kemudahan Pembiayaan ini kepada Pelanggan dan jika apa-apa representasi dan waranti yang dibuat didapati tidak betul atas apa jua sebab, maka pihak Bank mempunyai hak untuk mengkaji semula, menangguhkan, menarik balik atau menamatkan mana-mana bahagian Kemudahan Pembiayaan ini atau keseluruhan Kemudahan Pembiayaan ini dengan memberi notis tujuh (7) hari kepada pihak Pelanggan.

14. AKU JANJI AFIRMATIF

Pelanggan dengan ini bersetuju dan memberi aku janji kepada pihak Bank selagi mana Terma dan Syarat ini masih berkuat kuasa atau mana-mana Kemudahan Pembiayaan tersebut masih terhutang bahawa Pelanggan hendaklah:-

- 14.1 mengemukakan kepada pihak Bank segala maklumat yang diperlukan berkaitan dengan Terma dan Syarat tersebut atau perkara-perkara yang berkaitan dengan operasi dan kedudukan kewangan Pelanggan dari semasa ke semasa;
- 14.2 membenarkan pihak Bank atau pegawainya untuk membuat semakan ke atas mana-mana dokumentasi atau rekod yang berkaitan dengan Pelanggan dari semasa ke semasa;
- 14.3 memaklumkan kepada pihak Bank sekiranya berlaku mana-mana kejadian kemungkiran atau kemungkiran berkaitan keberhutangan Pelanggan atau mana-mana perkara yang boleh menjejaskan keupayaan Pelanggan untuk melaksanakan obligasi-obligasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini;
- 14.4 memastikan bahawa bayaran sumbangan yang berkaitan dengan takaful (sekiranya terpakai) dibayar dan takaful tersebut hendaklah sentiasa dikekalkan atau diperbaharui sekiranya tamat tempoh;
- 14.5 mengemukakan kepada pihak Bank secara bertulis berkenaan:-
- 14.5.1 apa-apa prosiding undang-undang, litigasi atau tuntutan yang melibatkan Pelanggan;
- 14.5.2 apa-apa perkara yang telah menjejaskan atau mungkin menjejaskan keupayaan Pelanggan untuk memenuhi obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini, kedudukan kewangan atau keupayaan untuk pembayaran Kemudahan Pembiayaan; dan
- 14.5.3 memaklumkan pihak Bank mana-mana kemudahan pembiayaan tambahan yang ditanggung oleh Pelanggan.

15. AKU JANJI PELANGGAN

- 15.1 Pelanggan bersetuju dan mengaku janji kepada pihak Bank selagi mana Terma dan Syarat ini masih berkuat kuasa dan selagi mana Kemudahan Pembiayaan tersebut masih terhutang, bahawa Pelanggan tidak akan membuat apa-apa perubahan ke atas Kemudahan Pembiayaan ini tanpa persetujuan bertulis dari pihak Bank.
- 15.2 Pelanggan juga mengaku janji kepada pihak Bank bahawa Pelanggan tidak akan membenarkan individu lain untuk membuat transaksi *Tawarruq*.

16. KEJADIAN KEMUNGKIRAN

- 16.1 Pelanggan akan dikira melakukan kemungkiran jika berlaku kejadian/perkara termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
- (i) Pelanggan gagal/mungkir dalam menjelaskan pembayaran ansuran/Keberhutangan yang harus dibayar pada tarikh yang ditetapkan; atau
 - (ii) Pelanggan gagal mematuhi mana-mana notis yang dikeluarkan oleh pihak Bank yang meminta mereka membetulkan mana-mana pelanggaran terma/syarat dalam Terma dan Syarat ini dalam masa yang ditetapkan; atau
 - (iii) Pelanggan gagal mematuhi atau melaksanakan mana-mana perjanjian, jaminan, terma/syarat perjanjian dalam Terma dan Syarat ini; atau
 - (iv) Pelanggan membenarkan apa-apa perintah mahkamah terhadap mereka atau menjadi bankrap atau menandatangani mana-mana penyelesaian dengan atau untuk faedah pemiutang lain; atau
 - (v) Berlakunya apa-apa prosiding undang-undang, guaman atau apa jua tindakan diambil ke atas Pelanggan; atau
 - (vi) Pelanggan meninggal dunia atau tidak siaman; atau
 - (vii) berlaku sesuatu kejadian atau terjadi satu situasi yang pada pandangan atau pendapat pihak Bank jika Kemudahan Pembiayaan ini diteruskan akan mendatangkan kerugian kepada pihak Bank atau meletakkan pihak Bank dalam keadaan yang tidak stabil; atau
 - (viii) berlaku keadaan yang pada pendapat pihak Bank, Pelanggan tidak dapat menjelaskan jumlah Keberhutangan mengikut syarat dan terma yang telah dipersetujui.

16.2 Jika mana-mana Kejadian Kemungkinan di atas berlaku, maka:

- (i) semua jumlah Keberhutangan yang perlu dibayar oleh pihak Pelanggan di bawah Kemudahan Pembiayaan dan Terma dan Syarat ini akan menjadi genap masa/ matang dan mesti dibayar;
- (ii) pihak Bank berhak menamatkan Terma dan Syarat ini dan menuntut pembayaran sepenuhnya jumlah Keberhutangan di bawah Kemudahan Pembiayaan dengan memberi notis munasabah kepada pihak Pelanggan; dan
- (iii) pihak Bank juga berhak untuk melaksanakan hak-hak yang lain di bawah Terma dan Syarat ini.

17. TA'WIDH (GANTI RUGI)

Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank berhak mengenakan dan menuntut gantirugi (ta'widh) daripada Pelanggan ke atas kerugian sebenar yang dialami oleh pihak Bank akibat Pelanggan lewat/gagal membayar ansuran, baki Harga Jualan atau apa-apa jumlah bayaran tertunggak yang kena dibayar kepada pihak Bank dikira dari tarikh bayaran sepatutnya dibayar sehingga pembayaran sepenuhnya berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia seperti berikut:

(a) Kadar Ta'widh Sebelum Tarikh Matang

Sebelum tarikh matang, Ta'widh akan dikenakan berdasarkan jumlah kerugian sebenar dan tidak melebihi kadar 1% setahun ke atas jumlah pembayaran tertunggak.

(b) Kadar Ta'widh Selepas Tarikh Matang Dan Penghakiman

Selepas tarikh matang dan setelah penghakiman diperolehi, pihak Bank berhak mengenakan ta'widh ke atas keseluruhan jumlah baki tertunggak mengikut kadar *Islamic Interbank Money Market* atau melalui kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi mengelakkan sebarang keraguan dan tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah, adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa Ta'widh yang dikenalan keatas Pelanggan tidak boleh digandakan.

18. PEMBENTUKAN SEMULA BANK

18.1 TANGGUNGAN DAN KEWAJIPAN

Segala tanggungan dan/atau kewajipan yang diwujudkan oleh Terma dan Syarat ini akan terus menjadi sah dan terikat bagi segala apa tujuan walaupun ada perubahan dengan cara penyatuan, pembentukan semula atau sebaliknya yang dibuat kepada perlembagaan pihak Bank.

Dengan ini adalah diikrarkan bahawa tiada sebarang perubahan dan penjejasan tanggungan dan/atau kewajipan yang diwujudkan di bawah Terma dan Syarat ini bersabit dengan sebarang transaksi sama ada yang lepas, sekarang atau masa hadapan.

19. MENGIKAT WARIS PENGGANTI

Terma dan Syarat ini mengikat Pelanggan dan waris, wasi, pentadbir, wakil dan pengganti hakmilik Pelanggan dan bagi pihak Bank, pengganti hak milik dan penyerah hak Bank.

20. FI, DUTI SETEM DAN KOS PERBELANJAAN PERUNDANGAN

20.1 FI

Segala fi atau caj lain berkaitan dengan Kemudahan Pembiayaan ini termasuk fi broker bagi pelaksanaan transaksi Tawarruq sepertimana yang dinyatakan di bawah Notis Kemudahan Pembiayaan akan ditanggung oleh Pelanggan. Segala kos, fi atau caj tersebut adalah tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan (sekiranya terpakai) atau apa-apa cukai yang ditetapkan oleh menteri yang berkenaan.

Pelanggan bersetuju bayaran fi tersebut akan dilakukan melalui potongan wang Kemudahan Pembiayaan terlebih dahulu oleh pihak Bank ketika proses pengeluaran wang pembiayaan.

20.2 DUTI SETEM

Segala perbelanjaan berhubung dan berkaitan dengan penyediaan dan penyempurnaan dokumentasi berhubung dengan Kemudahan Pembiayaan ini dan mana-mana suratcara yang lain seperti yang diperuntukkan di bawah Terma dan Syarat ini termasuk semua bayaran duti setem akan ditanggung dan dijelaskan oleh Pelanggan samada atau tidak Kemudahan Pembiayaan tersebut digunakan, ditolak atau dibatalkan atas sebarang sebab yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank kepada Pelanggan.

Bayaran duti setem tersebut akan dilakukan melalui potongan wang Kemudahan Pembiayaan terlebih dahulu oleh pihak Bank ketika proses pengeluaran wang pembiayaan.

20.3 KOS GUAMAN

Sekiranya Kemudahan Pembiayaan perlu diperolehi melalui proses undang-undang, semua fi dan bayaran berkaitan dengan perolehan semula Kemudahan Pembiayaan tersebut termasuk fi dan kos guaman bagi pihak Bank (berasaskan gantirugi sepenuhnya) akan dikenakan ke atas Pelanggan. Pihak Bank berhak mendebit semua fi, kos dan bayaran tersebut di atas melalui akaun Pelanggan tertakluk kepada peruntukan di dalam Terma dan Syarat ini.

21. HAK-HAK BANK

21.1 PENEPIAN

Tiada sebarang kegagalan, kecuaihan atau kelewatan di pihak Bank dalam menjalankan atau tidak menjalankan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi oleh pihak Bank di bawah Terma dan Syarat ini yang disebabkan oleh kemungkiran yang dilakukan oleh Pelanggan akan memudaratkan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi pihak Bank atau disifatkan sebagai penepian kepada hak pihak Bank ke atas Pelanggan atau persetujuan terhadap kemungkiran tersebut atau bagi kemungkiran yang lain atau kemungkiran yang kemudiannya.

21.2 HAK BANK UNTUK MENOLAK SELESAI (SET OFF)

Tanpa menjejaskan remedi lain yang boleh dilaksanakan oleh pihak Bank, pihak Bank adalah dibenarkan pada bila-bila masa selepas memberikan notis tujuh (7) hari kepada Pelanggan untuk menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan kesemua atau mana-mana akaun Pelanggan dengan menolak selesai (*set-off*) atau memindahkan apa-apa baki atau jumlah dalam mana-mana akaun Pelanggan dengan mana-mana cawangan Bank untuk menyelesaikan apa-apa tanggungan Pelanggan dengan pihak Bank yang tertunggak di bawah Terma dan Syarat ini termasuk kesemua wang yang tertunggak berkaitan dengan penilaian, fi pemprosesan, perlindungan takaful, komisen, caj, kos dan perbelanjaan yang dirujuk di dalam Terma dan Syarat ini dan keterhutangan ke atas Kemudahan Pembiayaan ini.

21.3 HAK BANK UNTUK MENDEBIT AKAUN

Pihak Bank adalah dibenarkan selepas memberi notis tujuh (7) hari kepada Pelanggan mendebit mana-mana akaun Pelanggan dengan mana-mana cawangan Bank untuk segala kos dan perbelanjaan yang terakru seperti yang diperuntukan di bawah Terma dan Syarat ini termasuk apa-apa kos yang perlu dibayar oleh Pelanggan.

21.4 HAK UNTUK MEMINDA DAN MEMBATALKAN TERMA DAN SYARAT

Pihak Bank dan Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengesahkan bahawa:

- (a) Kemudahan Pembiayaan dan/atau peruntukan-peruntukan serta terma-terma di bawah Terma dan Syarat ini boleh, dari semasa ke semasa, diubah atau dipinda secara bertulis. Pihak Bank berhak, tertakluk kepada prinsip Syariah (sekiranya terpakai), mengubah dan/atau meminda Kemudahan Pembiayaan dan/atau peruntukan-peruntukan serta terma-terma di bawah Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan dan selepas tempoh itu, perubahan dan/atau pindaan tersebut adalah berkuat kuasa.
- (b) Pihak Bank boleh pada bila-bila masa membatalkan Kemudahan Pembiayaan yang diberikan atau mana-mana bahagian Kemudahan Pembiayaan yang belum dikeluarkan sepenuhnya atau sebelum Kemudahan Pembiayaan dikeluarkan atau sebelum tamat Tempoh Kemudahan Pembiayaan sekiranya berlaku sebarang kejadian yang pada pendapat pihak Bank akan memberi perubahan material kepada kedudukan kewangan Pelanggan atau sekiranya pihak Bank mendapati terdapat perkara yang bertentangan dengan peraturan atau maklumat palsu yang diberikan kepada pihak Bank, dengan memberikan notis tujuh (7) hari kepada Pelanggan dan semua Keberhutangan di bawah Kemudahan Pembiayaan tersebut akan menjadi kena bayar dengan serta merta. Apabila ini dilaksanakan keputusan pihak Bank adalah muktamad.

21.5 PERUBAHAN KEADAAN ATAU UNDANG-UNDANG

Jika terdapat pengenalan atau pindaan dalam mana-mana undang-undang atau peraturan atau dalam mentafsirkannya atau dengan memenuhi mana-mana kehendak atau syarat-syarat yang menyebabkan pihak Bank menanggung apa-apa syarat, beban atau tanggungan, maka pihak Bank boleh menghentikan tanggungjawabnya untuk membuat atau meneruskan keseluruhan Kemudahan Pembiayaan atau mana-mana bahagian daripadanya dengan memberikan notis tujuh (7) hari kepada Pelanggan tentang perkara tersebut.

22. NOTIS/PENYERAHAN PROSES UNDANG-UNDANG

22.1 NOTIS DAN PENYERAHAN NOTIS

Sebarang notis, pemberitahuan, permohonan atau tuntutan kepada pihak Pelanggan atau Bank yang hendak diberikan seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini hendaklah secara bertulis (sekiranya berkenaan) dan dihantar melalui serahan tangan atau pos ke alamat terakhir atau melalui telex atau telefaks ke nombor-nombor yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan atau melalui e-mel ke alamat e-mel yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini atau melalui SMS ke nombor-nombor seperti yang diberitahu secara bertulis oleh mana-mana pihak atau ke alamat terakhir pihak-pihak tersebut atau dipaparkan di laman web Bank atau alamat e-mel atau nombor telefon atau SMS atau laman web seperti berikut:

- (a) Sekiranya kepada pihak Bank, dialamatkan di bawah, nombor teleks atau nombor faksimile (dan bagi perhatian pegawai yang berkenaan, jika ada) seperti yang dinyatakan di sini;

Bangunan Agrobank,
Leboh Pasar Besar,
50726 Kuala Lumpur.
No. Tel: 03-27311600
No Faks: 03-26914908
Laman web: www.agrobank.com.my

- (b) Jika kepada Pelanggan, di alamat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan; atau kepada nombor faksimile, atau di alamat atau alamat e-mel atau faksimile atau nombor telefon atau laman web, yang mana Pelanggan boleh memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis.

Sebarang notis atau pemberitahuan yang dinyatakan di dalam Perenggan ini hendaklah dianggap diterima oleh pihak yang dialamatkan kepadanya:-

- (a) jika diserahkan secara serahan tangan, apabila ianya diserahkan; atau
- (b) jika dihantar melalui pos biasa, tujuh (7) hari selepas pengeposan; atau
- (c) jika dihantar melalui pos berbayar, pada hari ke-tiga (3) hari berniagaan selepas pengeposan; atau
- (d) jika dihantar melalui teleks atau kabel, pada hari perniagaan sejurus selepas pengeposan; atau
- (e) jika melalui faksimile, apabila penerima menerima laporan berkaitan dengan penghantaran notis telah berjaya; atau
- (f) jika melalui e-mel, pada masa e-mel tersebut di hantar dengan syarat e-mel tersebut mestilah berjaya dihantar oleh pihak pengirim dan tidak terdapat sebarang keralatan; atau
- (g) jika melalui SMS, pada masa SMS tersebut dianggap telah diterima. Balasan automatik tidak dianggap sebagai penerimaan; atau
- (h) jika dipaparkan di laman web Bank, pada masa paparan tersebut muncul di laman web Bank.

Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank apa-apa perubahan dalam alamat penyerahannya atau apa-apa butir yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan secara bertulis.

Sekiranya Pelanggan mempunyai sebarang aduan, Pelanggan boleh menghubungi pihak Bank di:

Client Relationship Management
Bank Pertanian Malaysia Berhad,
Leboh Pasar Besar,
Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-2476 Faksimili: 603-26917790
Emel: customer@agrobank.com.my

22.2. PENYERAHAN PROSES UNDANG-UNDANG

- (i) Penyerahan mana-mana Proses Undang-Undang boleh dibuat melalui pos prabayar berdaftar atau pos biasa dan dihantar ke alamat penyerahan yang berkenaan dan Proses Undang-Undang tersebut akan dianggap lengkap penyerahannya selepas tamat tujuh (7) hari dari tarikh surat tersebut dipos dan jika dihantar secara serahan tangan, pada hari surat tersebut dihantar atau diserahkan.
- (ii) Sebarang pertukaran alamat penyerahan mana-mana pihak tidak akan memberikan apa-apa kesan atau mengikat pihak lain melainkan satu notis memaklumkan pertukaran alamat telah diberikan dan apa-apa jua yang dilakukan menurut subfasal (i) tidak akan terjejas dengan penukaran alamat tersebut jika pihak yang satu lagi tidak mengetahui hal tersebut pada masa perkara tersebut dilakukan.
- (iii) Istilah "Proses Undang-undang" hendaklah termasuk Notis Tuntutan, pliding, segala bentuk saman pemula, permohonan interlokutori, affidavit, perintah selain daripada yang dinyatakan terdahulu yang perlu diserahkan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah, Akta Syarikat 2016, Kanun Tanah Negara dan mana-mana undang-undang yang terpakai di Malaysia.

23. LAIN-LAIN

23.1 MASA

Masa merupakan inti pati kepada Terma dan Syarat ini.

23.2 UNDANG-UNDANG

Terma dan Syarat ini hendaklah terikat dan ditafsirkan dalam segala aspek mengikut Undang-Undang Malaysia dan pihak-pihak dalam Terma dan Syarat ini hendaklah menyerahkan semua perkara berkaitan dengan obligasi dan liabiliti pihak-pihak di bawah Terma dan Syarat ini kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

23.3 AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 (Akta 613)

Pelanggan tidak dibenarkan untuk menggunakan Kemudahan Pembiayaan untuk aktiviti-aktiviti haram sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) (kesalahan pengubahan wang haram).

24. HAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN BERSAMA (CONCURRENT ACTION)

Walau apapun peruntukan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, pihak Bank berhak mengambil semua atau mana-mana remedi yang dinyatakan melalui Terma dan Syarat ini atau melalui mana-mana Akta dan berhak untuk melaksanakan remedi tersebut secara bersesama atau berasingan termasuk remedi untuk penjualan atau pemilikan atau tindakan sivil untuk mendapatkan semula jumlah Keberhutangan pihak Bank di atas kegagalan atau kemungkiran Pelanggan memenuhi apa-apa terma, stipulasi dan/atau akujanji yang diperuntukkan dalam Terma dan Syarat ini.

25. PENYATA AKAUN

Apa-apa penyata akaun yang dikeluarkan oleh pihak Bank dan ditandatangani oleh Pengurus atau mana-mana kakitangan pihak Bank yang diberikan kuasa atau oleh mana-mana Peguam Bank berhubung dengan jumlah yang tertunggak/terhutang atau yang kena bayar oleh Pelanggan akan menjadi bukti jumlah terhutang yang nyata kepada Pelanggan untuk semua tujuan (termasuk prosiding undang-undang) kecuali terdapat kesilapan yang nyata.

26. PENDEDAHAN MAKLUMAT (DISCLOSURE)

Tertakluk kepada perenggan berikutnya, pihak Bank pada bila-bila masa boleh mendedahkan kepada mana-mana pihak yang menghendaki maklumat atau akses kepada apa-apa dokumen atau rekod, atau maklumat mengenai dokumen Kemudahan Pembiayaan atau aset atau hal ehwal Pelanggan (termasuk akaun Pelanggan atau akaun masa depan Pelanggan dengan pihak Bank, sekiranya perlu) dengan syarat bahawa pihak yang menerima maklumat tersebut daripada pihak Bank boleh dikehendaki untuk mengakujanji untuk mengekalkan kerahsiaan dokumen, rekod atau maklumat yang diterima.

Pelanggan mengakui memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendedahkan apa-apa dokumen atau rekod atau maklumat berkenaan dengan dokumen Kemudahan Pembiayaan atau aset atau hal ehwal Pelanggan:

- (i) kepada entiti dalaman pihak Bank atas dasar keperluan, termasuk kakitangan pihak Bank; atau
- (ii) kepada Unit Kredit Sentral, BNM, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) termasuk sepertimana dikehendaki di bawah peruntukan Seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1967 ("ACP") bagi tujuan memudahkan pertukaran maklumat dan menurut perkiraan atau perjanjian percukaian yang berkuat kuasa di bawah seksyen 132, 132A atau 132B Akta Cukai Pendapatan 1967; atau
- (iii) kepada mana-mana rakan strategik bagi produk dan perkhidmatan perbankan pihak Bank yang terikat dengan kewajipan kerahsiaan dengan pihak Bank; atau
- (iv) kepada mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pengawal selia atau badan kerajaan atau separa kerajaan yang berkaitan di Malaysia yang mempunyai bidang kuasa ke atas salah satu pihak atau atas Kemudahan Pembiayaan; atau
- (v) kepada mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pengawal selia atau badan kerajaan atau separa kerajaan yang berkaitan di Malaysia di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi tujuan penyiasatan atau pendakwaan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau
- (vi) kepada mana-mana pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuk institusi kewangan yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan) atau lain-lain penasihat profesional (termasuk pembekal sumber luaran, ejen kutipan hutang, auditor Bank, peguam, ejen, perunding); atau
- (vii) kepada pihak pemberi sekuriti; atau
- (viii) kepada mana-mana syarikat pengendali takaful yang diluluskan oleh pihak Bank atau syarikat takaful lain (jika perlu) sekiranya terdapat sebarang permohonan untuk perlindungan takaful dikemukakan oleh Pelanggan kepada mana-mana syarikat pengendali takaful yang diluluskan oleh pihak Bank atau syarikat takaful lain;
- (ix) untuk atau berhubung dengan apa-apa tindakan undang-undang, saman atau prosiding berkenaan dengan Kemudahan Pembiayaan atau sekuriti; atau
- (x) kepada mana-mana pihak ketiga, sekiranya diperlukan oleh mana-mana undang-undang, peraturan atau undang-undang kecil; atau
- (xi) kepada mana-mana pihak menurut kepada mana-mana pengaturan, komposisi, penstrukturan atau apa-apa cadangan pengaturan, komposisi atau penstrukturan antara kreditor Pelanggan; atau
- (xii) menurut apa-apa peruntukan undang-undang atau sapina.

Pendedahan dokumen, rekod dan/atau maklumat tersebut hanya dibuat oleh pihak Bank kepada mana-mana pihak yang berkaitan bagi keperluan yang berkaitan atas dasar kerahsiaan.

Pelanggan dengan ini mengesahkan dan bersetuju dengan kebenaran yang diberikan di bawah perenggan ini adalah untuk tujuan Seksyen 120 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618) (dan termasuk apa-apa perubahan, modifikasi, penukaran dan pindaan ke atasnya).

Pelanggan juga mengesahkan bahawa Pelanggan telah membaca terma-terma polisi Perlindungan Data Peribadi (PDP Polisi) yang boleh diakses melalui laman sesawang pihak Bank di www.agrobank.com.my.

Tanpa mengambilkira peruntukan di atas, Pelanggan boleh pada bila-bila masa menarik balik atau membatalkan kebenaran tersebut secara bertulis sepertimana dalam klausa Notis melainkan jika pendedahan tersebut diperlukan oleh pihak Bank untuk mematuhi mana-mana keperluan undang-undang atau kontrak.

27. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709) ("PDPA")

- 27.1 Dalam urusan Pelanggan dengan pihak Bank, pihak Bank boleh meminta Pelanggan untuk memberikan data peribadi mereka dan jika berkenaan, pekerja, ejen, pengarah, pihak yang boleh dihubungi, pemegang saham, wakil, pihak yang diberi kuasa dan butiran pegangan saham pemegang saham seperti yang didedahkan oleh Pelanggan sebelum atau semasa pelaksanaan dokumen Kemudahan Pembiayaan untuk tujuan pelaksanaan kontrak, pemasaran, aktiviti perniagaan yang sah, pentadbiran dan kecekapan ekonomi.
- 27.2 Pelanggan dengan ini memberi jaminan kepada pihak Bank bahawa Pelanggan telah mendapatkan kebenaran atau jika berkenaan, hendaklah mendapatkan kebenaran daripada pekerja, ejen, pengarah, pihak yang boleh dihubungi, pemegang saham, wakil dan pihak yang diberi kuasa berhubung dengan pendedahan dan pemprosesan data peribadi mereka untuk tujuan yang tersebut di atas.
- 27.3 Pelanggan bersetuju dan membenarkan pihak Bank untuk memproses (seperti yang ditakrifkan di bawah PDPA) termasuk memindahkan data peribadi Pelanggan kepada pihak luar yang lain di Malaysia dan di negara-negara lain, termasuk pihak / badan yang disenaraikan di bawah Klausa 26 di atas untuk penyelenggaraan, penyimpanan dan pengekalan data peribadi Pelanggan, di dalam atau di luar Malaysia berhubung dengan permohonan Pelanggan untuk produk dan perkhidmatan dan seterusnya untuk terus melaksanakan perjanjian kontrak yang dibuat antara Pelanggan dan pihak Bank.
- 27.4 Tanpa mengambilkira peruntukan di atas, Pelanggan boleh pada bila-bila masa menarik balik atau membatalkan kebenaran tersebut secara bertulis sepertimana dalam klausa Notis melainkan pendedahan tersebut diperlukan oleh pihak Bank untuk mematuhi mana-mana keperluan undang-undang atau kontrak.
- 27.5 Pelanggan memberi kebenaran bahawa pihak Bank, kakitangannya, wakil dan/atau ejennya boleh menghubungi Pelanggan dari semasa ke semasa melalui lawatan secara peribadi atau komunikasi lisan yang dilakukan melalui apa-apa cara komunikasi termasuk panggilan telefon tentang apa-apa produk dan promosi perkhidmatan melainkan Pelanggan membantah secara bertulis.
- 27.6 Pelanggan mengesahkan bahawa semua maklumat dan data peribadi yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah benar, terkini dan tepat dan jika terdapat apa-apa perubahan pada mana-mana maklumat atau data peribadi yang dinyatakan dalam dokumen ini, Pelanggan hendaklah memberitahu pihak Bank dengan kadar segera secara bertulis.
- 27.7 Pelanggan mengaku bahawa Pelanggan telah membaca terma-terma polisi Perlindungan Data Peribadi ("Polisi PDP") yang boleh diakses melalui laman sesawang pihak Bank di www.agrobank.com.my dan sekiranya perlu, Pelanggan telah mendapatkan bantuan serta penjelasan sewajarnya dari pihak Bank sebelum Pelanggan bersetuju dengan transaksi ini. Pelanggan bersetuju untuk mematuhi terma Polisi PDP dan segala atau apa-apa pindaan akan datang.

28. KEMUNGKIRAN BERSILANG (CROSS DEFAULT)

Tanpa mengambil kira peruntukan berkaitan dengan pembayaran Kemudahan Pembiayaan dan semua jumlah wang yang perlu dibayar di bawah Terma dan Syarat ini, Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa:-

- (a) sekiranya terdapat apa-apa jumlah wang yang tertunggak dan perlu dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank dari semasa ke semasa atau pada bila-bila masa; atau
- (b) sekiranya Pelanggan bertanggungjawab kepada pihak Bank untuk mana-mana akaun kredit atau akaun lain dalam apa jua cara; atau
- (c) sekiranya berlaku kemungkiran dalam mana-mana peruntukan akaun tersebut atau di dalam apa jua kemudahan kredit lain yang diberikan oleh pihak Bank atau mana-mana institusi kewangan lain kepada Pelanggan;

maka dan dalam keadaan sedemikian, Keberhutangan di bawah Kemudahan Pembiayaan ini dan semua wang yang perlu dibayar di bawah akaun tersebut atau akaun kemudahan kredit yang lain akan menjadi tertunggak dan kena dibayar serta-merta.

29. INDEMNITI

Pelanggan hendaklah pada setiap masa menanggung rugi pihak Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, kerugian, kerosakan, dan perbelanjaan (termasuk segala kos perundangan di atas dasar indemniti penuh) yang dimulakan terhadap oleh dan/atau disebabkan oleh mana-mana pihak terhadap pihak Bank sekiranya berlaku kejadian-kejadian kemungkiran dalam Terma dan Syarat ini oleh Pelanggan melainkan jika tindakan tersebut disebabkan oleh sebarang kelakuan tidak wajar, kecuai dan pelanggaran terma dan syarat oleh pihak Bank.

30. HAK BANK UNTUK MEMBATALKAN BAKI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN YANG BELUM DIKELUARKAN (JIKA BERKAITAN)

Pihak Bank mempunyai hak pada bila-bila masa untuk membatalkan baki Kemudahan Pembiayaan yang belum dikeluarkan sekiranya terdapat kejadian kemungkiran atau Terma dan Syarat ini tidak boleh diteruskan atas apa-apa sebab jua selepas memberi notis tujuh (7) hari kepada Pelanggan untuk pembatalan tersebut.

31. KEBOLEHASINGAN

Sebarang peruntukan di dalam Terma dan Syarat ini yang tidak berkaitan dengan rukun, *sighah*, atau transaksi jual beli yang tertakluk kepada kehendak Syariah dan didapati tidak sah atau tidak boleh diambil tindakan, tidak akan menjejaskan kesahihan dan keupayaan untuk diambil tindakan terhadap peruntukan-peruntukan yang lain.

32. KESELURUHAN PERJANJIAN

Terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini termasuk apa-apa pindaan yang kemudiannya dibuat oleh pihak Bank) yang boleh diakses melalui laman sesawang pihak Bank di www.agrobank.com.my hendaklah di baca bersama dengan Borang Permohonan Pembiayaan, Surat Makluman Tawaran, dan Notis Kemudahan Pembiayaan AgroCash-i. yang mana adalah merupakan keseluruhan perjanjian antara Pelanggan dan pihak Bank. .

33. KEPATUHAN SYARIAH

Meskipun terdapat apa-apa yang dinyatakan sebaliknya, apa-apa terma dalam Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.

34. SURATCARA UTAMA

Dengan ini dipersetujui bahawa Notis Kemudahan Pembiayaan yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pelanggan adalah suratcara yang digunakan untuk tujuan satu transaksi di bawah maksud Seksyen 4(3) Akta Setem 1949 dan untuk tujuan Seksyen tersebut, Notis Kemudahan Pembiayaan hendaklah disifatkan sebagai Suratcara Utama.

Sekiranya pembiayaan diluluskan oleh Bank, saya dengan ini bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat Bagi Kemudahan Pembiayaan Peribadi AgroCash-i		
Tandatangan	:	
Nama	:	
No. Kad Pengenalan	:	
Tarikh	:	